

28 SEP 1997

Anwar-Darurat (Bergambar)

PERINTAH DARURAT JEREBU DI SARAWAK DITARIK BALIK

KUCHING, 28 Sept (Bernama) -- Darurat jerebu yang diisytiharkan di Sarawak sejak 19 Sept lepas ditarik balik hari ini, demikian diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata berikutan itu semua sekolah dan pejabat kerajaan serta swasta dibuka semula mulai esok.

"Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pelbagai agensi kerajaan, swasta dan pemimpin negeri atas usaha mereka menangani masalah jerebu," katanya pada persidangan akhbar selepas melakukan lawatan singkat ke sini.

Bagaimanapun, beliau menasihati orang ramai agar terus menggunakan topeng atau menutup hidung dengan tuala basah bagi mengelak daripada menyedut zarah-zarah terampai di udara.

Katanya menurut doktor menggunakan tuala basah lebih berkesan menahan jerebu daripada disedut berbanding topeng kering.

Sambil menunjuk surat menarik balik perisytiharan itu, Anwar berkata ia ditandatangani beliau hari ini dan berkuatkuasa serta merta.

Perisytiharan darurat jerebu itu yang pertama kali dilakukan di negara ini diarahkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 19 Sept lepas ketika Indek Pencemaran Udara (IPU) meningkat ke paras lebih 600.

Berikutan itu, semua sekolah, pejabat kerajaan dan swasta kecuali agensi dan operasi perlu, diarah tutup serta merta.

Sarawak menghadapi masalah jerebu paling teruk di negara ini setakat ini dengan bacaan tertinggi IPU pernah dicatat, 851 pada pukul 1 petang, Selasa lepas.

Anwar juga meminta orang ramai agar sentiasa mengikuti maklumat terkini IPU melalui pengumuman (radio) bagi mengetahui keadaan jerebu di tempat masing-masing.

"Kita berdoa kepada Allah mudah-mudahan langkah-langkah yang diambil dan penyertaan pesat daripada kerajaan Indonesia akan dapat menjernihkan suasana dengan secepat mungkin," katanya.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) kerana membantu dalam operasi pembenihan awan, Jabatan Bomba dan pihak berkuasa Indonesia di Sumatera dan Kalimantan kerana sokongan mereka.

Anwar berkata kerajaan akan meningkatkan operasi untuk menangani masalah jerebu terutama dalam menghadapi kebakaran di Kalimantan dan Sumatera.

Kerajaan akan memberikan segala bentuk bantuan kepada pihak berkuasa Indonesia di samping menghargai sokongan yang diberikan oleh negara luar yang menghantar pakar dan peralatan ke Malaysia dan Indonesia untuk membantu menangani masalah jerebu, katanya.

Mengenai penghantaran petugas ke Kalimantan untuk membantu dalam memadamkan kebakaran di sana, beliau berkata terdapat sedikit kelewatan tetapi kerajaan Indonesia telah memberikan persetujuan mereka.

Ketika menjawab soalan, beliau berkata kerajaan tidak ada rancangan untuk memperkenalkan sebarang undang-undang berhubung pencemaran udara kerana undang-undang sedia ada sudah mencukupi walaupun ia memerlukan penguatkuasaan yang lebih ketat.

Industri, kenderaan dan tapak-tapak pembinaan perlu diawasi untuk meneliti kerosakan kepada alam sekitar, katanya.

"Saya juga telah mengumumkan beberapa langkah yang perlu diambil oleh kita dan sektor swasta untuk mengurangkan paras jerebu seperti menyembur air dari bangunan tinggi," katanya.

Langkah ini perlu diambil serius kerana ia dapat memberikan kelegaan sementara dan membantu meredakan masalah itu, kata beliau.

Beliau berkata kerajaan telah memperuntukkan lebih banyak wang untuk menangani masalah jerebu tetapi ia perlu dibelanjakan dengan bijak dan cermat.

-- BERNAMA